

15 OCT 2003

Mahathir-Kesepian (Temubual)

DETIK-DETIK DR MAHATHIR "SEPI DI PUNCAK"

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara pada 31 Okt ini selepas 22 tahun berkhidmat, berkata dalam tempoh itu beliau banyak kali berasa "sepi berada di puncak".

Namun, bercanggah dengan andaian kononnya beliau terasa paling tersisih apabila satu kumpulan dalam Umno yang diketuai Tengku Razaleigh Hamzah, mencabar beliau pada pemilihan parti pada 1987, Dr Mahathir berkata bahawa pada masa itu, beliau tidak sendirian.

"Pada 1987, seperti yang kita tahu, saya berjaya melaluinya kerana majoriti menyokong saya. Umno diisytiharkan haram tetapi kami berjaya membina semula parti dan membawa masuk semula sebahagian besar ahli ke dalam Umno. Pada pemilihan 1990 dan 1995, kami menang dengan majoriti lebih besar. Walaupun masih ada beberapa orang yang menentang saya, majoritinya masih menyokong saya," katanya.

Namun masa-masa sepi yang dialaminya ialah apabila memperkenalkan idea-idea "yang tidak mengikut kelaziman" seperti semasa krisis ekonomi 1997.

"Saya biasanya tidak bercakap banyak mengenai perkara ini," kata perdana menteri, yang jelas kelihatan kurang selesa. "(Tetapi) sering kali, saya berasa sepi apabila saya fikirkan mengenai sesuatu yang tidak mengikut kelaziman."

Apabila beliau mengemukakan idea seumpama itu, orang akan merasa tidak selesa, katanya.

"Orang kadangkala sangsi sama ada kita boleh melakukannya atau tidak. Jadi pada waktu-waktu itu, kita berasa sepi sedikit."

Merujuk kepada krisis ekonomi pada 1997, Dr Mahathir berkata orang ramai telah keliru.

Katanya beliau akhirnya berurusan dengan "sekumpulan kecil" orang dan beliau terpaksa menyakinkan mereka bahawa langkah tambatan mata wang dan kawalan modal tidak akan memusnahkan reputasi dan ekonomi Malaysia.

"Tetapi saya berjaya menyakinkan sebahagian besar daripada mereka, dan akhirnya kami berjaya melaksanakannya walaupun Gabenor Bank Negara dan timbalannya meletakkan jawatan."

Namun Dr Mahathir dengan senyuman sinis berkata sebaik sahaja kaedah tidak mengikut kelaziman itu mula menampakkan hasil, beliau tidak lagi berasa begitu sepi kerana "lambat laun orang akan menerima cara kita itu."

Dr Mahathir mengimbas kembali bahawa semasa beliau mula menjadi perdana menteri, perkara pertama yang dimintanya ialah supaya dikaji semula semua perkara yang dilakukan oleh kerajaan dan menentukan sama ada perkara itu betul dan wajar dilaksanakan.

"Jadi kita banyak kali membuat perubahan. Misalnya, sebelum ini, kerajaan telah memutuskan bahawa ia tidak akan bekerjasama dengan sektor swasta. Kita kaji dasar ini dan mendapati ia tidak produktif. Jadi, kita membuat keputusan mengenai Malaysia Diperbadankan."

Beliau berkata jabatan dan syarikat milik kerajaan yang kurang cekap akan diswastakan.

Cara yang tidak mengikut kelaziman itu diterima dengan perasaan sangsi dan dengan itu, beliau sekali lagi merasa sepi.

Tetapi akhirnya apabila idea-idea berkenaan mula berhasil dan menunjukkan kemajuan yang bertambah baik, orang mula menerimanya, kata Dr Mahathir, tokoh yang telah mengilhamkan projek bertaraf dunia seperti Menara Kembar Petronas, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Koridor

Raya Multimedia, pusat pentadbiran kerajaan yang baru di Putrajaya dan kereta nasional.

-- BERNAMA

KH AU RHM MAI